



20 JAN, 2025

PETRA sedia 10,000 stesen pengecas EV tahun ini



Berita Harian, Malaysia

PETRA sedia 10,000 stesen pengecas EV tahun ini

Kuching: Kementerian Peralanhan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) komited untuk memastikan 10,000 stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) diwujudkan seluruh negara menjelang hujung tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata penyediaan stesen pengecas itu perlu diwujudkan di semua kawasan bukan sahaja di bandar, tetapi meliputi luar bandar.

Beliau yang juga Menteri

PETRA berkata, ia perlu bagi menggalakkan lebih ramai beralih kepada kenderaan mesra alam dalam usaha menangani perubahan iklim.

"Kenderaan EV sebenarnya dibawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) tetapi PETRA bertanggungjawab untuk meningkatkan stesen pengecas.

"Kalau kita hendak menggalakkan penggunaan kenderaan EV mesti terlebih dahulu ada

stesen pengecas untuk kemudahan orang ramai sebab kebanyakannya kenderaan elektrik kapasiti ny ialah setiap 300 kilometer (km) hingga 400km mesti kena cas semula, justeru peningkatan stesen pengecas itu memang salah satu agenda bersama di bawah MITI dan juga PETRA," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Warga Emas dan Orang Kelainan

Upaya (OKU) Kawasan Sungai Tengah Matang sempena Tahun Baharu Cina 2025 anjuran bersama Pusat Khidmat Parlimen Petra Jaya dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Matang di Dewan SUPP Matang, di sini, semalam.

Isu tambah kerusi

Sementara itu, mengenai perkembangan tuntutan penambahan 35 peratus kerusi Parlimen untuk Sabah dan Sarawak, Fa-

dillah berkata, perkara itu masih dalam penilaian Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Katanya, di peringkat Jawatankuasa Teknikal Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), pihaknya sudah mengadakan mesyuarat se lain menyatakan kehendak rakyat Sabah dan Sarawak berhubung hak penambahan kerusi Parlimen itu.